



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 45

25 April 2002

No. 9

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948
(Akta 92)

THE SUBORDINATE COURTS ACT 1948
(Act 92)

No. 17.

PERLANTIKAN MAJISTRET KELAS SATU
APPOINTMENT OF FIRST CLASS MAGISTRATE

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 78(b) Akta Mahkamah Rendah 1948, Pihak Berkuasa Negeri, atas syor Hakim Besar Malaya telah melantik Encik Khairul Anuar bin Abd. Halim sebagai Majistret Kelas Satu di dalam dan bagi Negeri Perlis mulai 1 September 2001.

In exercise of the powers conferred by section 78(b) of the Subordinate Courts Act 1948, the State Authority, on the recommendation of the Chief Judge of Malaya, has appointed Encik Khairul Anuar bin Abd. Halim to be a First Class Magistrate in and for the State of Perlis with effect from 1st September 2001.

Bertarikh 4 April 2002.

Dated 4 April 2002.

[SUK.(Ps.) 01/077 SK. 14.]

AHMAD BIN ZAKARIA,
Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Negeri Perlis

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 1963
(Bil. 3 Tahun 1964)

ADMINISTRATION OF MUSLIM LAW ENACTMENT 1963
(No. 3 of 1964)

No. 18.

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 7
FATWA UNDER SECTION 7

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 7(1) Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam 1963 (No. 3 Tahun 1964) dibaca bersama seksyen 7(2), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, dengan ini membuat fatwa berikut:

In exercise of the powers conferred by section 7(1) of the Administration of Muslim Law Enactment 1963 (No. 3 of 1964) to be read with section 7(2), the Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, hereby makes the following fatwa:

- (1) Tiada halangan untuk menggunakan perkataan Islam oleh mana-mana pertubuhan Islam, malah digalakkan tetapi hendaklah berdisiplinkan ilmu, iman dan ihsan. Walau bagaimanapun, mana-mana orang atau pertubuhan yang menggunakan Islam atau perkataan Islam untuk tujuan mengelirukan masyarakat atau penyelewengan adalah salah dan bercanggah dengan prinsip-prinsip syariat Islam dan boleh diambil tindakan menurut peruntukan undang-undang yang sedia ada.
- (2) Seseorang itu sudah diiktiraf sebagai orang Islam jika menepati Rukun Iman dan Rukun Islam. Dari itu, adalah salah dan tidak berhak bagi mana-mana pihak menambah apa-apa syarat lain bagi menentukan keislaman seseorang itu. Fahaman bahawa perlu ada tambahan syarat-syarat lain selain daripada menepati Rukun Iman dan Rukun Islam, seperti pengakuan atau sokongan kepada pihak tertentu sebelum seseorang itu ditentukan keislamannya adalah salah di sisi Islam. Oleh itu, sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeri, menyebar dengan apa-apa jua pun akan fahaman tersebut adalah melakukan perbuatan yang termasuk dalam perbuatan menyebarluaskan ajaran salah atau menyeleweng.
- (3) Ketentuan syurga atau neraka adalah hak mutlak Allah S.W.T. Dari itu, dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada orang atau pertubuhan tertentu diperlukan sebelum seseorang orang Islam layak ke syurga atau ke

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

25 April 2002]

39

neraka adalah salah menurut ajaran Islam. Oleh itu, sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru atau menyebarkan apa-apa jua pun akan fahaman tersebut, maka perbuatan sedemikian termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah dan menyeleweng.

Bertarikh 13 Disember 2001.
Dated 13 December 2001.
[SUK.(Ps.) Sulit 1657 Jld. 2.]

Dengan Titah Perintah
Duli Yang Maha Mulia
Tuanku Raja Perlis

SAZALI BIN HAJI HUSSEIN,
Setiausaha Majlis Agama Islam dan
Adat Istiadat Melayu Perlis

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 Tahun 1965)
NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 19.

**PERIZAPAN TANAH KAWASAN LAPANG DALAM KAWASAN PERUMAHAN
DI BAWAH SEKSYEN 62 KANUN TANAH NEGARA**
RESERVATION OF OPEN SPACE IN HOUSING AREA
UNDER SECTION 62 NATIONAL LAND CODE

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 62(1) Kanun Tanah Negara, 1965 maka inilah Pihak Berkuasa Negeri mengisyiharkan bahawa tanah dalam pelan *Warta* seperti yang dinyatakan dalam Jadual di bawah adalah dikehendaki bagi penggunaan kawasan lapang dalam kawasan perumahan dengan dilantik Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis sebagai Pegawai Pengawal dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar sebagai Pegawai Penyelenggara.

In exercise of the powers conferred by section 62(1) of the National Land Code, 1965 The State Authority hereby declares that the area in the *Gazette* plan as specified in the Schedule below shall be used as open space in housing area and hereby appoints State Secretary of Perlis as Controlling Officer and the President of the Kangar Municipal Council as the Maintaining Officer.

JADUAL/SCHEDULE

Bil.	Mukim	No. PT/Plot	Lokasi	Keluasan	Pelan <i>Warta</i>
1.	Bandar Kangar	80 Seksyen 3	Kangar	634.4	METER PERSEGI PW 1304
2.	Bintong	1479	Taman Choo Kee	1089	PW 1305

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

40

[25 April 2002]

Bil.	Mukim	No. PT/Plot	Lokasi	Keluasan	Pelan Warta
				METER PERSEGI	
3.	Sena	2857	Taman Koperasi	1403	PW 1306
4.	Seriap	1771	Taman Pengkalan Asam	293	PW 1307
5.	Seriap	1687	Taman Bumita	1194	PW 1308
6.	Sena	3195	Taman Fauziah	1805	PW 1312
7.	Beseri	3161	Taman Bahagia	1523	PW 1313
8.	Arau	2956	Taman Utara Guar Sanji	884	PW 1314
9.	Sena	3673	Taman Desa Pulai	256	PW 1315
10.	Arau	3374	Taman Seri Intan	3612	PW 1316
11.	Seriap	1870	Taman Mutiara	105	PW 1317
12.	Utan Aji	3056	Taman Bukit Kaya	1744.35	PW 1318
13.	Sena	3522	Taman Suriani	394	PW 1319
14.	Sena	3578	Taman Suriani	1030	PW 1320
15.	Arau	3558	Taman Kenanga	706	PW 1321
16.	Arau	3629	Taman Indah	818	PW 1322
17.	Kuala Perlis	1629	Taman Berlian	3974	PW 1323
18.	Sena	4099	Taman Sena Indah	492	PW 1324
19.	Utan Aji	2014	Taman Perlis	3325.19	PW 1325
20.	Utan Aji	2153	Padang Sungai Guar	479.75	PW 1326
21.	Beseri	2801	Taman Beseri Jaya	10,320.7	PW 1327
22.	Seriap	1417	Taman Mutiara (Selatan)	957	PW 1328
23.	Utan Aji	2454	Taman Perlis	5058.95	PW 1329
24.	Utan Aji	2769	Taman Jali	2167	PW 1330
25.	Sena	4423	Taman Sri Embun	2502	PW 1331
26.	Kurong Anai	6028	Taman Sri Pao	1655	PW 1332
27.	Seriap	2189	Taman Desa Kayang	282	PW 1333

Bertarikh 4 April 2002.

Dated 4 April 2002.

[SUK(Ps.) 04A/093 SK. 1 Jld. 2(37).]

AHMAD BIN ZAKARIA,
b.p. Setiausaha Kerajaan,
Negeri Perlis

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 (Akta 486)

No. 20.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

25 April 2002]

41

Pengambilan Balik Tanah di bawah seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk Projek Sistem Saliran Kok Klang Tambahan

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

JADUAL

Mukim—Padang Siding

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Luas Lot	Lebih kurang	
				HEKTAR	HEKTAR
PT 523	HS(M) 1103	Abdul Wahab bin Wan Saad	0.969		0.067
PT 852	HS(M) 1682	Abdullah bin Lebai Ibrahim	1.10908		0.01004
PT 318	HS(M) 1662	Wan Ismail bin Wan Din	0.54003		0.0624
PT 317	HS(M) 1660	Wan Pok binti Wan Din	0.5327		0.052
PT 853	HS(M) 1640	Mat bin Kasim	0.2049		0.0951
PT 889	HS(M) 1624	Khatijah binti Ishak	0.5588		0.1
PT 856	HS(M) 1653	Che Ah binti Man	0.55578		0.0238
PT 857	HS(M) 1652	Som @ Minah binti Man	0.53601		0.0238
PT 606	HS(M) 1327	Abdullah bin Jusoh	0.7038		0.155

Bertarikh 10 Mac 2002.

[JKPTG/CK(Ps.) (UKB) 351 SJ 111.]

MUSA BIN HAJI HASSAN,
Pengarah Tanah dan Galian,
Negeri Perlis

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad**.
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA